

# Gema Jumaat

BIL 1/2013

## FAHAMAN أهل السنة والجماعة

**Perbuatan hamba:** Ahli Sunnah Waljamaah berpendapat bahawa Allah SWT telah menjadikan perbuatan hamba yang berbentuk ikhtiar baginya. Mereka bebas melakukan sesuatu perkara dengan mematuhi segala hukum yang ditetapkan keatasnya.

**Sifat-Sifat Allah SWT:** Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah berpendapat Allah SWT bersifat dengan segala sifat kesempurnaan yang layak baginya. Semua sifat itu berada pada zat Allah SWT pada azali lagi.

**Mengenai Al-Quran:** Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah berpendapat Al-Quran itu adalah Kalamullah yang qadim dan azali (bukan baharu) kerana kandungan isi dan maksudnya adalah dari Allah SWT yang qadim, tidak berhuruf, bersuara dan ber-susun. Manakala tulisan Al-Quran, bacaannya dan bunyinya adalah baharu yang boleh ditulis, dibaca dan disebut. Walau bagaimanapun secara umumnya wajib dikatakan bahawa Al-Quran yang tersusun 30 juzuk adalah Kalam Allah yang bersifat qadim dan azali.

**Melihat Allah SWT:** Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah berpendapat melihat Allah bagi orang-orang mukmin di akhirat kelak adalah harus pada akal dan wajib pada hukum syara' kerana Allah itu zat yang maujud dan tiap-tiap yang maujud itu boleh dilihat. Hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud: *'Bahawasanya kamu akan melihat tuhan kamu dengan terang sebagaimana kamu lihat bulan purnama ini. Kamu tidak ragu-ragu melihatnya.'*

Sidang Redaksi

Pengarang  
Unit Penyelidikan, Pen-  
erbitan dan Perundingan

Dengan kerjasama:  
Bahagian Hal Ehwal  
Masjid Pusat Islam UUM  
Pusat Islam UUM

04-9285867/64/60

**Dosa besar:** Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah berpendapat orang mukmin yang melakukan dosa besar itu tidak gugur imannya dan mereka masih dianggap mukmin, kerana iman itu adalah aman-lan hati, seluruh umat Islam bersepakat bahawa orang-orang yang melakukan dosa besar wajib disembahyangkan jenazahnya.

# Hadith Pilihan




Daripada Jabir RA katanya, "Apabila Rasulullah SAW berkhotbah kedua-dua matanya menjadi merah, suaranya sangat kuat dan bersangatan marahnya seolah-olah junjungan seorang ketua tenteranya yang sedang memberi peringatan kepada tenteranya". Baginda bersabda, " Berjaga-jagalah, pada pagi atau petang musuh akan menyerang kamu semua". Baginda bersabda lagi, "Masa di antara aku diutuskan dengan datangnya hari kiamat bagaikan dua jari ini". Baginda merapatkan jari telunjuk dan jari tengahnya. Junjungan bersabda lagi, "Seterusnya, sesungguhnya sebaik-baik percakapan (berita) adalah al-Quran, sebaik-baik petunjuk ialah petunjuk Muhammad SAW, dan sejahat-jahat perkara ialah yang diada-adakan dan setiap bidaah itu sesat". Seterusnya Rasulullah SAW bersabda, " Aku adalah lebih utama terhadap setiap mukmin daripada mukmin itu terhadap dirinya sendiri, sesiapa yang mati meninggalkan harta, harta itu adalah hak warisnya dan sesiapa yang meninggalkan hutang atau anak-anak dan keluarga maka kembali kepadaku dan menjadi tanggungjawabku".

Huraian Hadith:

- Rasulullah S.A.W memberi peringatan kepada umatnya bahawa kedatangan hari kiamat telah hampir. Oleh itu setiap orang adalah dikehendaki berhati-hati sama ada dalam percakapan ataupun mencari petunjuk.
- Apabila hendak bercakap, bercakaplah mengenai sesuatu yang tidak terkeluar daripada ajaran al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W dan apabila hendak mencari panduan hidup berpandukan kepada petunjuk nabi S.A.W.
- Adalah dilarang sama sekali seseorang itu melakukan bidaah kerana bidaah itu adalah sesat dan menyesatkan.
- Setiap orang wajib membayar hutang piutangnya dan menunaikan tanggungjawabnya dengan sempurna terhadap keluarganya.
- Sebaik-baik pekerjaan yang diceburi oleh seseorang ialah yang berkaitan dengan kitab Allah seperti belajar dan mengajar al-Quran.
- Amalan yang bertentangan dengan agama, yang tidak termasuk di bawah mana-mana usulnya hendaklah di jauhi.
- Anak yatim dan orang kurang upaya seperti orang tua yang tiada penjaga atau warisnya, wajib dibiayai daripada baitulmal, kerana pemerintah menjalankan tugas Rasulullah S.A.W yang menjaga mereka.
- Hak waris daripada peninggalan si mati (pusaka) adalah sabit Islam.

# INTISARI KHUTBAH



## “CELIK DI DUNIA BUTA DI AKHIRAT”

Ramai manusia yang diciptakan oleh Allah SWT dalam keadaan celik, tidak buta, mata boleh melihat dengan sempurna, boleh melihat ciptaan Allah SWT, boleh makan dan minum, berjalan dan lain-lain lagi. Tetapi di hari akhirat nanti mereka yang celik di dunia ini dibangkitkan oleh Allah SWT dalam keadaan menjadi buta.

Perkara ini berlaku kerana mereka berpaling daripada ajaran Allah yang sebenar, tidak menjalankan aturan-aturan Allah, melakukan maksiat dan membuat dosa-dosa besar serta menzalimi orang lain, matanya tidak digunakan untuk melihat kebenaran, sebaliknya digunakan untuk melihat kebatilan akibatnya hidup di dunia akan disempitkan, tidak tenang, menderita dan ditimpa musibah. Malahan di akhirat pula, mereka menjadi buta sebagai balasan keengkaran semasa di dunia.

Ingatlah, sebagai seorang Islam kita mestilah bijak melayarkan bahtera kehidupan ke arah yang benar mengikut petunjuk yang telah digariskan oleh al-Quran dan al-Hadith. Bukannya mengikut hawa nafsu atau kepentingan diri dan lebih malang lagi jika sanggup tunduk dan mengikut kehendak musuh Islam.

Perbuatan kita semasa di dunia menentukan kedudukan kita di sisi Allah SWT di akhirat dan begitulah sebaliknya. Jika kita benar benar taat dan akrabnya di dunia dengan Allah SWT, maka di akhirat pastinya Allah SWT akan mendampingi kita. Janganlah demi untuk mendapatkan sesuatu yang dihajati, kita sanggup melakukan tindakan yang ternyata boleh mendatangkan musibah pada bangsa dan agama serta mengundang dosa dan kemurkaan Allah SWT.

Dalam banyak-banyak anggota, lidah dan matalah yang paling banyak kesalahan yang melibatkan sesama manusia. Mata jika tidak dihalakan kepada kebaikan ianya akan mendatangkan kemaksiatan dan dosa lidah dan mata boleh menyebabkan seseorang itu menerima azab di akhirat.

Berkatalah perkara yang benar dengan penuh keberanian walaupun ianya sangat pahit untuk ditelan lebih lebih lagi jika kita sebagai pemimpin kerana ianya menggambarkan pendirian dan sikap kita sebagai seorang yang beriman. Berwaspadalah kita akan setiap tutur kata kerana bahayanya lidah bukannya hanya pada individu tertentu tetapi kesannya juga boleh meruntuhkan sesebuah negara dan bangsa.

Ingatlah wahai muslimin sekalian bahawa setiap pergerakan kita sentiasa diawasi oleh dua malaikat iaitu Raqib dan Atid. Elakkan daripada terjerumus ke dalam dosa termasuk melemparkan tuduhan, mengeluarkan kata-kata yang boleh membangkitkan kebencian pada individu tertentu, prasangka buruk serta bercakap bohong.



## MAKRIFAH DALAM BERAGAMA

8 Apakah yang dimaksudkan dengan pengertian makrifah dalam beragama. Adakah ia mempunyai had-had tertentu ataupun tidak?

9 Sesungguhnya segala hal-hal yang berkaitan agama itu terkandung dalam firman Allah dalam Surah A Hasyr ayat 7 yang bermaksud:

.... Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkanlah dan apa jua yang dilarang kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya.

Termasuk dalam pengertian ayat ini ialah **Islam**, **iman** dan **ihsan**, begitu juga menyuruh dengan kebaikan dan melarang daripada kemungkaran. Di samping mengerjakan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan, menunaikan haji dan umrah, perang sabil, melakukan segala perintah dan meninggalkan segala larangan, ini yang dikatakan *makrifat* dalam beragama. Adapun mereka yang tidak memahami tentang sebahagian perkara-perkara tersebut dianggap jahil terhadap urusan agamanya.

Sumber: Kitab Furu' Masail

Berkata Abdullah bin Mu'taz:

Ilmu orang munafiq terletak pada perkataannya dan ilmu orang beriman terletak pada amalannya.

Ayuh kita meriahkan program kerohanian...

- Setiap Selasa dan Rabu– **KELAS TAHSIN AL QURAN**
- Setiap Selasa –**KELAS PENGAJIAN ASAS FARDHU AIN**
- Khamis (minggu pertama dan ketiga) -**PENGAJIAN KITAB TURATH**
- Selasa (minggu kedua dahn keempat)- **PENGAJIAN FARDHU AIN**
- 14 Mac 2013– **BENGKEL IBRAH SURAH AL FATIHAH**
- 23 Mac 2013– **KURSUS PENGURUSAN JENAZAH**
- Setiap Jumaat- **KURSUS ASAS HAJI BERSIRI**
- Ahad- Khamis **BIMBINGAN AL QURAN INDIVIDU**

Hubungi talian...  
049285867/64/60/08/18/36



.... Kerana anda sentiasa memakmurkan masjid dan program-program kerohanian. Sila layari laman web Pusat Islam untuk mengetahui program-program terkini ....

[www.pusatislam.uum.edu.my](http://www.pusatislam.uum.edu.my)